

# Generasi muda Islam harus rancang strategi

UM 17 SEP 2006

**K**UALA LUMPUR 16 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, generasi muda Islam perlu merancang strategi dan menyusun gerakan bagi membolehkan negara-negara Islam setanding dengan negara maju lain.

Menurut Perdana Menteri, usaha berkenaan boleh dicapai sekiranya semua umat Islam mula bersatu padu dan mengukuhkan persefahaman sesama mereka.

“Kita boleh menjadi kuat sekiranya generasi muda Islam mulai kembali kepada asas ajaran sebenar Islam bahawa semua umat Islam adalah bersaudara.

“Kita mesti berusaha mengukuhkan kekuatan kita dan oleh itu kita boleh melindungi diri kita daripada musuh-musuh,” katanya semasa menutup Persidangan Antarabangsa Pemimpin Muda Islam di Hotel Renaissance di sini, hari ini.

Dr. Mahathir juga menggesa generasi muda Islam mendalami ilmu pengetahuan dan kemahiri-

ran dunia moden yang dapat menjadikan seseorang itu muslim yang baik dan mampu menolong saudara seagamanya apabila ditimpa kesusahan.

Perdana Menteri berkata, umat Islam masa kini berada dalam keadaan lemah dan tidak mampu berbuat sesuatu apabila diancam dan diserang oleh kuasa besar lain.

Beliau memberikan contoh bagaimana umat Islam tidak mampu mengambil tindakan untuk melindungi rakyat Palestin yang diancam oleh Israel serta tindakan Amerika Syarikat menyerang Iraq.

“Ketika itu kita hanya mampu berdoa sahaja, tetapi akhirnya peperangan tetap meletus dan adakah kerana Allah tidak membantu kita.

“Sedangkan hakikatnya, kita tidak berupaya membantu saudara kita disebabkan kelemahan umat Islam sendiri,” jelasnya.

Katanya, umat Islam juga tidak mampu berbuat apa-apa apabila terdapat pihak lain yang

mendakwa Nabi Muhammad sebagai pengganas.

“Kita hanya dapat kata, tolong, jangan kata Nabi Muhammad pengganas, itu sahaja yang dapat kita buat sebab kita berada pada kedudukan yang lemah,” katanya.

Katanya, kegagalan umat Islam untuk bersatu dan sebaliknya hanya mengutamakan kepentingan puak mereka sendiri turut menjadi punca kelemahan mereka.

Oleh itu, tegas Dr. Mahathir, umat Islam perlu kembali kepada ajaran sebenar agama yang menyuruh umatnya mendalami ilmu pengetahuan.

Katanya, ia selaras dengan ayat al-Quran pertama diturunkan kepada Nabi Muhammad iaitu ‘Iqra’ yang menyuruh membaca iaitu mendalami ilmu pengetahuan.

“Allah menyuruh Rasulullah membaca, sedangkan pada masa itu al-Quran belum ada dan ilmu-ilmu mengenai keIslaman belum lagi dibukukan (sebalik-

nya) yang ada pada masa itu hanyalah buku-buku pengetahuan yang ditulis oleh tamadun Greek, Yahudi, Kristian, India dan China.

“Ia bermakna suruhan untuk membaca adalah supaya umat Islam mendapatkan pengetahuan yang sedia ada daripada tamadun-tamadun lain yang sudah maju,” ujarnya.

Jelasnya, umat Islam tidak akan maju dan selamat sekiranya terlalu menumpukan kepada pendidikan agama sehingga mengabaikan kepentingan lain yang juga menjadi kewajipan kepada mereka.

“Bayangkan jika semua orang belajar ilmu agama, tetapi perkara-perkara berkaitan sains dan teknologi tidak dihiraukan, umat Islam akan menjadi lemah dan mudah ditindas,” ujarnya.

Perdana Menteri berkata, kepercayaan yang cuba diterapkan oleh sesetengah pemikir Islam bahawa umat Islam telah ditakdirkan untuk menderita di dunia tidak mungkin benar kerana ke-

hidupan orang Muslim pada zaman kegemilangan Islam adalah amat hebat.

“Islam adalah Ad-Din, Islam

adalah cara hidup dan umat Islam tidak sepatutnya meminta sedekah atau merana.

“Islam tidak mungkin salah,

yang salah cuma manusia yang mendakwa diri mereka ahli agama dan memberi tafsiran yang salah mengenai Islam,” katanya